

**HARIAN METRO**

**■ Pelajar luar negara teruja beraya di Malaysia**

Nazdy Harun  
am@hmetro.com.my

**Kuala Nerus**

**D**i Nigeria, biasanya ‘towo’ adalah menu wajib yang dimasak daripada beras tetapi kerinduan terhadap sajian di negara saya itu terubat apabila dihidangkan nasi himpit keria ia menyamai makanan itu,” kata Bashir Ibrahim, 32, penuntut jurusan Bahasa Inggeris di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini.

Menurutnya, dia sudah menyambut Aidilfitri kali ketiga di Terengganu mula menggemari sajian tempatan walaupun merindui makanan negaranya.

Katanya, walaupun pada mulanya sukar menerima masakan di Terengganu yang dikategori sebagai makanan berbanding masakan di negaranya, namun lamaka-lamaka ia menjadi kebiasaan.

“Seperti towo, nasi himpit dapat menjadi pengubat rindunya berikutan masakan itu yang hampir sama dan mampu membangkitkan selera.

“Saya masih mempunyai baki tiga tahun pengajian di



## Terubat rindu

*PELAJAR luar negara gembira merasai juadah tradisional.*

UniSZA selepas menamatkan pengajian peringkat sarjana dan kini melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah (PhD),” katanya ketika ditemui pada majlis Sambutan Aidilfitri Bersama Komuniti Antarabangsa UniSZA di sini, semalam.

Bagi Pembantu Profesor Egyptian University Of Islamic Culture Nur Mubarok Lyaila Turumbetora berkata, suasana Aidilfitri di negara ini jauh berbeza dengan negaranya dan pengalaman pertama kali menyambutnya di negara asing amat menyeronokkan.

“Walaupun jangka masa singkat berada di negara ini tetapi pengalaman diperoleh

amat bernilai untuk dibawa pulang ke Kazakhstan terutama dalam bidang pendidikan.

“Sistem pendidikan di Malaysia amat baik dan melalui usaha sama dilakukan antara kedua-dua universiti mampu mencetuskan pertukaran idea bagi memajukan bidang pendidikan terutama bagi masyarakat Islam,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Pusat Perantaraan dan Pengarahan) Anuar McAfee berkata, selain mempunyai 200 pelajar antarabangsa, program mobiliti bersama dua universiti dari Kazakhstan iaitu Egyptian University Of Islamic Cultu-

re Nur Mubarok dan Dossybayeva Gulnara University turut diadakan.

“Program yang disertai 11 pelajar dan pensyarah dari dua universiti itu berlangsung sebulan yang memfokuskan antaranya pengenalan kepada kampus UniSZA, pembelajaran Bahasa Inggeris, lawatan ke lokasi pelancongan dan kraftangan selain mengenali makanan tradisional negeri ini.

“UniSZA mempunyai perjanjian persefahaman bersama Egyptian University Of Islamic Culture Nur Mubarok dan sejak empat lalu, universiti itu menghantar pelajar dan pensyarahnya ke sini,” katanya.